

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 APRIL 2024  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 7

Subsidi bersasar tetap dilaksanakan

# Subsidi bersasar tetap dilaksanakan

30 juta data asas rakyat Malaysia sudah ada dalam sistem PADU

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN PUTRAJAYA**

**P**elaksanaan subsidi secara bersasar tetap dilaksana meskipun 11.55 juta rakyat atau bersamaan 52.6 peratus berdaftar di dalam sistem Pengkalan Data Utama (PADU).

Ini kerana kata Ketua Perangkawan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, inisiatif itu akan disokong oleh 30 juta data asas rakyat Malaysia.

"Insyaa-ALLAH boleh laksanakan sebab kerajaan sudah ada data asas rakyat di dalam sistem," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Ujar beliau, data asas akan digunakan secara sementara di peringkat awal pelaksanaan sehingga kerajaan memutuskan pendaftaran dan pengemaskinian data ke dalam sistem PADU secara berkala.

"Data asas ini merangkumi data demografi berdasarkan pendaftaran kelahiran, data pemilikan kenderaan dan sebagainya.

"Perkara ini negara maju sudah laksanakan dan mengurus rakyat dengan baik," ujar beliau.

Jelas Mohd Uzir, pengemaskinian data secara berkala perlu dibuat untuk memastikan data yang diperoleh adalah relevan.



MOHD UZIR

Data asas akan digunakan secara sementara di peringkat awal pelaksanaan.

"Orang bukan duduk statik, tidak bergerak, tidak bertukar pekerjaan dan status perkahwinan serta pendidikan, jadi akan bertukar pengemaskinian secara berkala," katanya.

Menurut beliau, apabila kerajaan membuat keputusan mengenai penyesaran semula subsidi, rakyat akan melihat kepentingan data ini.

"Kita perlu terus bergerak sebab ada rakyat yang mahu tengok dulu apa yang kerajaan laksanakan dan sebagainya," katanya.

Pada Isnin, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli mengumumkan seramai 11.55 juta atau 52.6 peratus rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas sudah mendaftar dan mengemas kini profil mereka dalam sistem PADU selepas ia ditutup tengah malam Ahad.

Ujar beliau, jumlah itu menjadikan 17.65 juta atau 58.7 peratus keseluruhan profil rakyat termasuk ahli isi rumah bawah 18 tahun berjaya dikemas kini di sistem PADU.

Sementara itu, ditanya sama ada

warga emas yang menerima bantuan kerajaan sebelum ini dan tidak berdaftar PADU atas alasan tertentu akan dimasukkan ke dalam senarai penerima subsidi, Mohd Uzir memaklumkan data golongan tersebut telah ditarik masuk.

"Sekiranya didapati masih layak, masih hidup mereka layak tetapi tapisan juga akan dilakukan," katanya.

Sementara itu, katanya, individu yang telah mendaftar sistem PADU masih boleh menghantar maklumat yang belum dilengkapkan walaupun selepas tarikh tutup pendaftaran.

"Bagaimanapun, tarikh tutup bagi pendaftaran sistem PADU kekal hingga semalam (Ahad).

"Kepada mereka yang masih ada lagi maklumat yang mungkin tidak lepas dalam pengenalan diri (gagal pengesahan identiti), e-KYC (Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital), pasukan PADU sedang membantu untuk memastikan mereka dapat menghantar atau melengkapkan maklumat yang diperlukan ke dalam sistem tersebut," katanya.